

WE ARE YOUR DOL



Department
of Labor

BAHAGIAN PEMATUHAN DAN PENDIDIKAN

BAHAGIAN PEMATUHAN DAN PENDIDIKAN (DOCE)

Bahagian Pematuhan dan Pendidikan (DOCE) (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Dasar dan Hal Ehwal Imigran) memberi jaminan bahawa perkhidmatan, program dan perlindungan Jabatan Tenaga Kerja tersedia untuk semua pekerja. Ini termasuk kumpulan individu yang semakin meningkat yang berpindah ke Negeri New York dari negara lain dan mereka yang bercakap dalam bahasa selain bahasa Inggeris.

KHIDMAT MASYARAKAT

DOCE memaklumkan kepada pendatang, pelarian dan Pelajar Bahasa Inggeris tentang hak tempat kerja. Kami memaklumkan kepada mereka tentang bantuan yang ditawarkan oleh Jabatan Tenaga Kerja Wilayah New York (NYS DOL), seperti:

- Tindakan terhadap gaji yang tidak dibayar, lebih masa dan manfaat lain
- Fakta tentang insurans pengangguran
- Bantuan carian kerja dan bantuan kerjaya
- Pautan kepada agensi serta kumpulan lain untuk bantuan
- Maklumat tentang Pmerdagangan Manusia

DOCE juga turut mendidik pemilik perniagaan kecil tentang:

- Undang-undang pekerjaan
- Tanggungjawab mereka yang sah
- Sumber Jabatan Tenaga Kerja yang dapat membantu mereka
- Pmerdagangan Manusia

DASAR DAN UNDANG-UNDANG

DOCE berusaha untuk memastikan bahawa Jabatan Tenaga Kerja Negeri New York memenuhi keperluan pendatang,

pelarian dan Pelajar Bahasa Inggeris. Kami menyemak cara dasar, prosedur dan undang-undang NYSDOL mempengaruhi komuniti mereka.

MANGSA JENAYAH

Pmerdagangan Manusia dan buruh paksa merupakan jenayah yang mengeksploitasi warga New York, termasuk pendatang, pelarian dan Pelajar Bahasa Inggeris. DOCE membantu memerangnya di seluruh negeri. Kami juga merujuk mangsa kepada agensi negeri yang boleh membantu mereka mendapatkan perkhidmatan yang berhak bagi mereka di bawah undang-undang jenayah negeri.

Mangsa jenayah tertentu boleh memohon kepada kerajaan persekutuan untuk mendapatkan visa khas. Mereka perlu disahkan melalui agensi penguatkuasaan undang-undang jika ingin memohon. DOCE menyemak permohonan untuk pensijilan visa U dan T dalam Jabatan Tenaga Kerja.

PERTANIAN

DOCE berusaha untuk mengukuhkan industri pertanian New York yang besar dan pelbagai. Pada masa yang sama, kami mendidik pekerja pertanian tentang hak mereka dan perkhidmatan yang disediakan melalui Jabatan Tenaga Kerja. Kami melawat ladang untuk membantu majikan mematuhi undang-undang buruh. Kami juga membantu petani mencari pekerja pertanian yang berkelayakan untuk memenuhi keperluan buruh mereka. DOCE memproses permohonan H-2A, menjalankan pemeriksaan perumahan, menyediakan bantuan temu duga dalam bahasa Sepanyol dan berfungsi untuk membantu Jabatan Tenaga Kerja A.S. dalam memastikan kontrak H-2A dipatuhi.

HUBUNGI DOCE

Nombor telefon: **877-466-9757 (877- IMM-WRKR)**

E-mel: doce@labor.ny.gov

Laman web: www.labor.ny.gov